

**Forum Keamanan Global Wadah Untuk Memperkasakan Wanita - Noorainee Bernama  
19 April , 2012**

PETALING JAYA, 19 April (Bernama) -- Forum Keamanan Wanita Global akan menjadi wadah dalam meneroka pendekatan inovatif baru untuk memperkasakan wanita dalam menyumbang kepada keamanan dan pembangunan negara, kata isteri Timbalan Perdana Menteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Beliau berkata di Malaysia, usaha untuk mewujudkan kesaksamaan gender yang lebih baik membawa kepada kejayaan wanita Malaysia mencapai kemajuan yang ketara dalam bidang utama sosioekonomi sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957.

"Wanita Malaysia telah memperoleh manfaat daripada peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan seperti yang ditunjukkan dalam peningkatan kadar celik huruf mereka, dan jumlah kemasukan di semua peringkat pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebelum melancarkan Forum Keamanan Wanita Global yang julung kali diadakan di Sunway Resort Hotel and Spa (Sunway Resort), Bandar Sunway, di sini Rabu malam.

Forum sehari itu yang bermula Khamis (19 April) di Sunway Resort dianjurkan bersama oleh Festival Keamanan Global Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660176>